

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DR. LEE BOON CHYE
(GOPENG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 22.11.2017

Y.B. DR. LEE BOON CHYE [GOPENG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bagaimanakah DanaInfra membiayai kos faedah serta penebusan bon yang diterbit untuk projek MRT dan Lebuh Raya Pan-Borneo.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, DanaInfra Nasional Berhad (DanaInfra) adalah sebuah syarikat tujuan khas (*Special Purpose Vehicle*) milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) yang ditubuhkan pada 3 Mac 2011 dengan tujuan utamanya untuk memperoleh dan menguruskan dana bagi projek-projek

infrastruktur rakyat yang ditentukan oleh Kerajaan.

Pembiayaan kos faedah dan penebusan Sukuk yang diterbitkan oleh DanaInfra dilaksanakan melalui peruntukan tahunan oleh Kerajaan. Peruntukan ini dilaksanakan mengikut Perjanjian-perjanjian Pembiayaan yang telah ditandatangani antara Kerajaan dan DanaInfra pada 28 Ogos 2015 dan 18 Julai 2017.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi memastikan Kerajaan mampu untuk membiayai kos pembayaran semula projek-projek infrastruktur ini contohnya melalui peruntukan kepada DanaInfra, Kerajaan bersama syarikat pemilik aset seperti MRT Corp sedang melaksanakan pelbagai inisiatif bagi meningkatkan hasil bukan tambang (*non-fare revenue*) seperti ruang iklan, penyewaan tapak dan pembangunan hartanah berkonsepkan *Transit Oriented Development (TOD)*. Keuntungan daripada *non-fare revenue* ini akan dikongsi bersama Kerajaan yang seterusnya dapat disalurkan semula bagi menampung kos faedah dan penebusan Sukuk yang diterbitkan oleh DanaInfra.